

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

PLG 422 - Teori-Teori Pembelajaran Kognitif

Masa: [3 jam]

---

Sila jawab mana-mana TIGA soalan. Setiap soalan membawa markah yang sama.

1. a. Terangkan perbezaan di antara ingatan analog dan ingatan simantik dengan memberikan contoh eksperimen-eksperimen yang penting dan sesuai.
  - b. i) Dikatakan bahawa ingatan analog dan analitik saling berinteraksi dan menentukan bentuk isikandungan yang disimpan dalam ingatan. Terangkan konsep ini dan huraikan eksperimen-eksperimen untuk membuktikannya.  
ii) Jelaskan bagaimana interaksi menjadi titik tolak untuk Access Test seperti BAUM TEST dan sebagainya.
2. a. Ada beberapa jenis ingatan mengikut masa. Senaraikan jenis-jenis ingatan ini dan terangkan secara ringkas dengan merujuk kepada eksperimen-eksperimen penting.
  - b. i) Apakah cara untuk meningkatkan lagi kuasa ingatan kanak-kanak?  
ii) Terangkan kaitan di antara ingatan yang kekal dan Prinsip-prinsip Gestalt.

..2/-

- 2 -

3. a. Terangkan unsur-unsur penting mengenai pendekatan analisis Hermeneutik. Bagaimana pendekatan ini boleh difahami sebagai suatu pendekatan yang saintifik?
- b. Apakah kefahaman baru yang kita boleh perolehi mengenai proses pengajaran dibilik darjah dengan menggunakan metod ini?
4. a. Ujian Baum dinamakan sebagai suatu ujian jenis ACCESS. Terangkan konsep ini dengan merujuk kepada pengendalian Ujian BAUM dan analisisnya.
- b. i) Huraikan kepentingan konsep 'Unconscious' dalam bidang psikologi.  
ii) Terangkan bagaimana analisis BAUM mempunyai ciri-ciri persamaan dengan analisis mimpi yang dibentangkan oleh Freud dan C.G. Jung.

- 0000000 -